

03/12/2001

PPP perlu runding isu pengagihan kerusi

Shamshul Azree Samshir

IPOH, Ahad - Parti Progresif Penduduk (PPP) perlu berunding dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pengagihan kerusi parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata isu pengagihan kerusi kepada parti komponen BN di negeri ini adalah di luar bidang kuasa pucuk pimpinan BN Perak.

"Kata putus mengenai pengagihan kerusi datang dari Pusat. Kita di Perak akan akur dengan sebarang keputusan yang dibuat.

"Saya percaya PPP boleh berunding dengan Dr Mahathir jika mahu mendapatkan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang," katanya selepas merasmikan Konvensyen PPP Perak 2001 di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan Pengerusi PPP negeri, Lee Heng.

Tajol Rosli menegaskan beliau tidak mempunyai kuasa membuat keputusan berhubung cadangan PPP mendapatkan lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tiga kerusi Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, isu pengagihan kerusi antara parti komponen BN adalah isu sensitif dan hanya Perdana Menteri berhak membuat keputusan berhubung peluang parti komponen BN bertanding di sesebuah kawasan.

"Jika sesebuah kerusi diambil, pasti parti yang dahulunya bertanding di kerusi itu akan terasa.

"Dulu PPP pernah diberi kerusi dalam Pilihan Raya Umum 1974, tetapi parti itu kalah. Jadi, semua kerusi itu kemudian diberi pula kepada parti komponen BN lain," katanya.

Beliau berkata, sumbangan PPP dalam arena politik terutama dalam menstabilkan politik di Perak pada 1969 apabila hampir menumbangkan Kerajaan Perikatan bersama Gerakan, amat dihargai.

"Kita dalam BN tidak akan lupa sumbangan PPP dan berharap parti itu akan mengembalikan kegemilangannya seperti dahulu dengan pimpinan Kayveas sekarang," katanya.

Sementara itu, Kayveas berkata, beliau akan meminta Setiausaha Agung PPP, A Ayyathurai yang juga Ahli Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) memberi laporan lengkap mengenai pembabitannya dalam mesyuarat majlis itu sehingga keputusan menukar nama Jalan Koo Chong Kong, di sini kepada Jalan Tabung Haji dibuat.

"Ayyathurai sudah berjumpa saya. Bagaimanapun, kami tidak dapat berbincang lanjut. Saya sudah memintanya menulis surat," katanya.

Semalam, Kayveas mengumumkan PPP akan memecat keanggotaan ahli yang dilantik menjadi ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) yang didapati menyokong cadangan menukar nama jalan tanpa memikirkan sensitiviti penduduk tempatan.

Beliau berkata, PPP akan menyiasat mana-mana ahli parti yang dilantik menjadi ahli PBT yang didapati meluluskan cadangan menukar nama jalan tanpa berusaha meyakinkan majlis bahawa tindakan itu mengundang masalah.

Kontroversi pertukaran nama Jalan Koo Chong Kong, di sini kepada Jalan Tabung Haji berakhir Selasa lalu, MBI mengekalkan nama jalan itu kepada nama asal.

Sebelum itu, MBI dikecam kerana didakwa tidak prihatin terhadap sensitiviti masyarakat, malah dilihat tidak menghargai sumbangan bekas Ketua Polis Perak, Tan Sri Koo Chong Kong yang ditembak mati dua pengganas

komunis pada 1975.

(END)